

3755/1
Perdagangan
Kertas 1
September
2009
1 ¼ jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM

PERDAGANGAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan objektif*
2. *Jawab **semua** soalan*
3. *Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan*
4. *Hitamkan **satu** ruangan sahaja bagi setiap soalan*
5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
6. *Penggunaan kalkulator saintifik adalah dibenarkan*

Kertas soalan ini mengandungi 13 muka surat bercetak

1. Antara berikut, yang manakah merujuk kepada keperluan fisiologi mengikut Abraham Maslow?

- A. Mendapat pendidikan tinggi
- B. Sentiasa mengikut perubahan fesyen
- C. Dipenuhi melalui penghargaan masyarakat
- D. Menikmati kemudahan kesihatan yang mencukupi

2. Apakah maksud pengeluaran?

- A. Proses mengeluarkan barang dengan mesin
- B. Aktiviti yang menghasilkan barang dan perkhidmatan
- C. Aktiviti yang melibatkan penggunaan wang dalam pengeluaran
- D. Proses menghasilkan makanan, pakaian dan tempat perlindungan

3. Berikut adalah maklumat mengenai Dato' Yusof.

Dato' Yusof ialah seorang usahawan yang membuka perusahaan membuat bakul rotan di Keratong, Pahang. Perusahaan ini dapat menambahkan pendapatan penduduk di situ.

Antara berikut, yang manakah peranan beliau sebagai seorang usahawan?

- I Melahirkan ciptaan baru
- II Mewujudkan peluang pekerjaan
- III Meningkatkan penggunaan teknologi
- IV Memenuhi keperluan dan kehendak manusia

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

4. Antara yang berikut, manakah kelemahan pengkhususan dalam pengeluaran ?

- I Pekerja menjadi tidak kreatif
- II Peningkatan kos pembelian mesin
- III Barang tidak boleh dijual dengan murah
- IV Proses menghasilkan produk mudah tergendala

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

5. Maklumat di bawah merujuk kepada satu definisi.

- Melibatkan pengagihan barangan
- Daripada pengeluar kepada pengguna akhir
- Merupakan cabang pengeluaran

Apakah definisi yang sesuai dengan maklumat tersebut?

- A. Perniagaan
- B. Perdagangan
- C. Pengkhususan
- D. Pengagihan

6. Logo di bawah menunjukkan organisasi perniagaan yang terdapat di Malaysia.



Apakah saluran agihan yang diamalkan oleh ketiga-tiga organisasi perniagaan di atas?

- A Pengeluar → Pengguna
- B Pengeluar → Pemborong → Peruncit
- C Pengeluar → Peruncit → Pengguna
- D Pengeluar → Ejen → Peruncit → Pengguna


7. Maklumat di bawah menunjukkan ciri-ciri suatu perniagaan.

- Wujud kedai rantaian di merata-rata tempat.
- Ditadbir oleh ibu pejabat
- Cawangan melaksanakan dasar perniagaan induk

Antara jenis perniagaan berikut, yang manakah mempunyai ciri-ciri seperti di atas?

- A. Gedung aneka jabatan
- B. Koperasi runcit
- C. Kedai sejaras
- D. Pasar raya

8. Rajah 1 menunjukkan jenis pemborong.



Rajah 1

Apakah jenis pemborong yang mewakili X?

- A. Pemborong am
- B. Pemborong satu barisan
- C. Pemborong bayar dan bawa
- D. Pemborong berfungsi terhad

9. Manakah antara pernyataan berikut menerangkan kaedah jualan yang betul?

	Kaedah Jualan	Cara-cara
A.	Jualan prabayar	Membayar sebelum menggunakan sesuatu
B.	Bayaran sewa beli	Membayar untuk memiliki barangan tahan lama
C.	Jualan konsainan	Membayar secara ansuran
D.	Jualan tunai	Membayar dengan menggunakan kad kredit

10. Maklumat berikut adalah ringkasan data eksport Negara Z.

Jenis eksport	Nilai Eksport (RM juta)
Pertanian	10 000
Pengangkutan dan Insurans	2 500
Pendapatan daripada pelaburan	4 500
Galian	15 000
Barang-barang perkilangan	35 000
Pelancongan	3 000

Berdasarkan maklumat di atas, berapakah perbezaan antara nilai eksport nyata dengan eksport tak nyata?

- A. RM50 000 juta
- B. RM53 000 juta
- C. RM52 000 juta
- D. RM54 500 juta

11. Mengapakah pengeksport menggunakan sijil asal usul?

- A. Mutu piawai barang-barang terjamin
- B. Tempat keluaran barang-barang dieksport
- C. Hak milik barangan pada pihak nakhoda
- D. Kesanggupan pengeksport membayar kos angkutan

12. Maklumat berikut berkaitan dengan IKS dengan industri berat.

Proton ialah syarikat pengeluaran kereta Proton Saga. Namun banyak komponen kereta dan alat ganti kereta itu telah dikeluarkan oleh Industri Kecil dan Sederhana (IKS) secara subkontrak. Bantuan juga diberi oleh proton kepada IKS bagi membolehkan mereka mengeluarkan komponen itu mengikut spesifikasi yang dikehendaki.

Hubungan jalinan di antara Proton dan IKS juga dikenali sebagai


- A. dua hala
- B. anchor dan vendor
- C. hiliran dan hulu
- D. industri berat dan IKS

13. Jadual di bawah menunjukkan cara-cara X dan Y memulakan perniagaan.

X	Y
• Membuat perjanjian dengan peniaga lain • Menggunakan jenama peniaga lain • Mematuhi syarat-syarat yang dipersetujui	• Mengenal pasti sesuatu perniagaan yang sedia wujud • Membeli aset dan menjelaskan liabiliti perniagaan berkenaan

Bagaimanakah X dan Y memulakan perniagaannya?

- A. Francais dan warisan
 B. Diundang dan francais
 C. Francais dan pengambilalihan
 D. Memulakan sendiri dan warisan
14. Koperasi SMK Taman Hijau memperoleh lebih sebanyak RM15 000 pada tahun semasa. RM5 000 dicadangkan sebagai rizab dan selebihnya diagihkan sebagai rebat. Jumlah belian anggota pada tahun berkenaan ialah RM25 000. Berapakah jumlah rebat yang akan diterima oleh anggota bagi setiap pembelian RM1?
- A. RM0.10
 B. RM0.20
 C. RM0.30
 D. RM0.40
15. Gambar 1 berkaitan dengan suatu aktiviti yang berupaya meningkatkan ekonomi.



Gambar 1

Apakah aktiviti tersebut?

- A. Pelaburan
 B. Perniagaan
 C. Perdagangan
 D. Pembiayaan

16. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan kadar dividen syer keutamaan?

- A. Kadar dividen tinggi jika syarikat memperoleh untung
- B. Kadar dividen tidak tetap semasa syer tersebut diterbitkan
- C. Kadar dividen telah ditetapkan semasa syer tersebut diterbitkan
- D. Kadar dividen berubah setiap tahun mengikut keuntungan syarikat


17. RM10000 telah dimenangi oleh Shamsul. Apakah nasihat yang anda boleh berikan kepada Shamsul sekiranya beliau ingin membuat pelaburan ?

- I Mendapatkan jaminan pulangan yang diperoleh
 - II Mendapat maklumat pelaburan yang lengkap
 - III Mengetahui hak-hak pelabur
 - IV Mempertimbangkan risiko yang akan dihadapi
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

18. Antara berikut yang manakah bank badan berkanun?

- A.  BSN
- B.  Bank Muamalat
- C.  BANK ISLAM
- D.  CIMB BANK

19. Gambar 2 menunjukkan sekeping cek.



Gambar 2

Apakah jenis cek yang diterima oleh C.Che Anizan?

- A. Cek terbuka
 - B. Cek pembawa
 - C. Cek berpaling
 - D. Cek kosong
20. "Pendahuluan diberi oleh sebuah syarikat kewangan berdasarkan invois jualan yang dikemukakan oleh pelanggan." Apakah kaedah pemberian kredit tersebut?
- A. Pajakan
 - B. Sewa beli
 - C. Pemfaktoran
 - D. Skim ansuran
21. Maklumat berikut berkaitan dengan jenis risiko.

Syarikat Muslimah Sdn Bhd mengeluarkan pelbagai jenis pakaian berfesyen wanita untuk memenuhi citarasa wanita masa kini. Syarikat berkenaan ingin melindungi dirinya terhadap pelbagai risiko kerugian.

Antara yang berikut, manakah risiko yang boleh diinsuranskan oleh Syarikat Muslimah Sdn Bhd?

- A. Risiko hutang lapuk
- B. Risiko perubahan fesyen
- C. Risiko ketidakjujuran pekerja
- D. Risiko kemerosotan permintaan


22. Maklumat berikut berkaitan dengan prinsip insurans.

Encik Leiw menginsurankan rumahnya sebanyak RM600 000 setiap satu daripada tiga buah syarikat insurans. Apabila rumahnya musnah akibat kebakaran, setiap syarikat insurans hanya membayar RM200 000 masing-masing.

Apakah prinsip tersebut?

- A. Prinsip sumbangan
- B. Prinsip subrogasi
- C. Prinsip penuh percaya mutlak
- D. Prinsip doktrin sebab hampiran

23. Berikut adalah dialog antara suami dan isteri.



Apakah perlindungan yang dimaksudkan oleh Encik Mawil?

- I Kerosakan dan kemusnahan kapal terbang
- II Kerosakan kargo dan barang
- III Liabiliti terhadap penumpang dan anak kapal
- IV Liabiliti terhadap pihak ketiga

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. II, III dan IV
- D. I, II, III dan IV

24. Pengeluaran dapat dijalankan secara besar-besaran dengan adanya pengangkutan. Apakah kesan perkembangan tersebut kepada pengguna?
- A. Mengurangkan pembaziran
 - B. Mengurangkan harga barang
 - C. Mengurangkan kos pengeluaran
 - D. Mengurangkan kos simpanan stok
25. Mengapakah pengeksport menggunakan kontena untuk menghantar barang ke luar negara walaupun kosnya tinggi?
- I Kos insurans adalah rendah
 - II Kerja pemunggahan yang mudah
 - III Boleh membawa semua jenis barang
 - IV Kos sewa gudang dan bayaran cukai pelabuhan rendah
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV
26. Antara berikut, manakah alat pembayaran yang tidak memerlukan pengirim mengisi borang permohonan?
- A. Wang pos malaysia
 - B. Kiriman wang ekspres
 - C. Kiriman wang domestik
 - D. Kiriman wang antarabangsa
27. Antara berikut, yang manakah kebaikan menggunakan teleks sebagai alat komunikasi?
- I Maklumat yang diterima siap dicetak
 - II Maklumat diterima dengan pantas
 - III Dapat menggunakan talian telefon awam
 - IV Maklumat yang diterima disebarkan secara serentak
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV
28. Berikut adalah beberapa cara pergudangan membantu perdagangan **kecuali**
- A. Mengurangkan kos promosi
 - B. Menstabilkan harga barangan
 - C. Menjamin bekalan yang berterusan
 - D. Membolehkan pengeluaran secara berterusan

29. Apakah tujuan penggunaan stok penimbal dalam gudang Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS).

- I Menjamin bekalan beras yang cukup dan berterusan
 - II Menstabilkan harga beras
 - III Meningkatkan kualiti beras
 - IV Memudahkan eksport beras
- A. I dan II
B. II dan III
C. III dan IV
D. I dan IV

30. Ciri-ciri gudang penyetoran sejuk ialah

- I terletak di pintu masuk negara
 - II menyimpan barang-barang mudah rosak
 - III menyimpan barang-barang pukal
 - IV menyimpan barang-barang keperluan harian
- A. I dan II
B. I dan III
C. II dan IV
D. III dan IV

31. Antara berikut, yang manakah merupakan tujuan utama seorang pengeluar mengadakan promosi untuk produk barunya?

- A. Memperkenalkan barang dan perkhidmatan
- B. Meningkatkan jualan dan keuntungan
- C. Menaikkan imej syarikat
- D. Menyaingi pesaing

32. Apakah kelebihan publisiti berbanding pengiklanan?

- A. Maklumat terus boleh diperoleh daripada pelanggan
- B. Maklumat tentang barang mudah diperoleh
- C. Maklumat yang disampaikan boleh dikawal
- D. Maklumat yang disampaikan lebih dipercayai

33. Berikut adalah maklumat mengenai pemilik sebuah pusat tuisyen.

Encik Badrul ialah seorang pemilik Pusat Tuisyen Intelek di Bandar Muadzam Pahang. Pusat ini baru beroperasi pada tahun 2009. Beliau ingin mempromosikan pusat tuisyennya kepada murid di kawasan sekitar dengan kos pengiklanan yang rendah.

Apakah media pengiklanan yang paling sesuai?

- A. Internet
- B. Sepanduk
- C. Surat Khabar
- D. Halaman Kuning

34. Apakah faktor yang perlu dipertimbangkan oleh peniaga semasa memilih media pengiklanan?

- I Keuntungan jualan
 - II Sasaran pengguna
 - III Jenis barangan
 - IV Luas pasaran
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV

35. Antara agensi kerajaan berikut, yang manakah menjalankan penyelidikan dan pembangunan?

- A. MARDI dan MATRADE
- B. SIRIM dan MARDI
- C. PORIM dan MEDEC
- D. MARA dan UDA

36. Berikut adalah agensi kerajaan yang terlibat dalam latihan dan pengurusan untuk meningkatkan kemahiran peniaga dan pengusaha dalam pengurusan perniagaan atau institusi mereka **kecuali**

- A. UDA Holdings Berhad (UHB)
- B. Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- C. Perbadanan Produktiviti Negara (NPC)
- D. Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC)

37. Antara yang berikut yang manakah berkaitan dengan bantuan yang diberikan oleh kerajaan oleh pengeluar tempatan?

- A. Menubuhkan SIRIM
- B. Memberi pelepasan cukai
- C. Mengenakan duti eksport
- D. Memberi kemudahan overdraf

38. Antara berikut yang manakah **bukan** hak pengguna?

- A. Hak bersuara
- B. Hak mendapat maklumat
- C. Hak mendapat ganti rugi
- D. Hak menentukan harga barang

39. Antara yang berikut, yang manakah tanggungjawab pengeluar?

- I Menyenaraikan bahan kandungan yang digunakan
 - II Menjual barang dengan harga yang berpatutan
 - III Menggubal kod etika amalan perniagaan
 - IV Menggunakan timbangan yang betul
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV

40. Situasi berikut merujuk kepada masalah yang dihadapi oleh pengguna.

Puan Jelita telah membeli sejenis krim muka berjenama X. Setelah menggunakan selama tujuh hari, beliau mendapati kulit mukanya kering dan mengelupas.

Pihak yang manakah boleh membantu Puan Jelita untuk mendapatkan ganti rugi?

- A. Tribunal Tuntutan Pengguna
- B. Kementerian Kesihatan
- C. Persatuan pengeluar
- D. Persatuan Pengguna

KERTAS SOALAN TAMAT

3755/2
Perdagangan
Kertas 2
September 2009
2 jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM

PERDAGANGAN

Kertas 2
Dua Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
 2. Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A** dan **satu** soalan wajib di **Bahagian B**.
 3. Tulis jawapan anda dalam **Buku Jawapan** yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.
 4. Anda boleh menggunakan **Kertas Helaian Tambahan** jika helaian dalam **Buku Jawapan** tidak mencukupi.
 5. Markah yang diperuntukan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
 6. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.
 7. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh di program.
 8. Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.
-

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak.

[Lihat sebelah

Bahagian A

[75 markah]

*Jawab **tiga** soalan sahaja.*


1. (a) (i) Terangkan maksud pengkhususan. [3 markah]

(ii) Dialog di bawah adalah antara Irwan dan Bakri iaitu dua orang pekerja di sebuah kilang membuat kasut.

Irwan: Aku ingat hendak berhenti kerja hujung bulan ini.
Bakri: Kenapa. Kamu dapat kerja baru ke.
Irwan: Tak. Tapi aku rasa sudah bosan sebab selama 10 tahun kerja di kilang ini kena membuat kerja yang sama sahaja setiap hari.

Selain daripada bosan, terangkan kelemahan lain akibat pengkhususan di kilang membuat kasut tersebut. [5 markah]

(b) Rajah 1 di bawah berkaitan dengan cabang pengeluaran.




Rajah 1

Terangkan jenis cabang perusahaan P, Q dan R di atas ? [9 markah]

(c) Terangkan perkaitan di antara pengeluaran, perdagangan dan perniagaan. [8 markah]

2. (a) Maklumat di bawah menunjukkan kegiatan memecah pukat yang berlaku di dalam sebuah gudang pemborong.




Terangkan fungsi pemborong kepada pengeluar dalam saluran agihan selain memecah pukat. [6 markah]

- (b) Maklumat berikut adalah berkaitan seorang peruncit iaitu Encik Johari.

Encik Johari seorang peruncit di bandar Maran. Beliau membenarkan konsainor iaitu pembekal roti berjenama Seri dari Temerloh meletakkan roti di kedainya untuk dijual. Encik Johari hanya menerima komisen daripada jualan roti tersebut.

- (i) Nyatakan jenis kaedah jualan di atas. [1 markah]
(ii) Nyatakan kekurangan kaedah jualan yang dinyatakan (i) di atas kepada konsainor. [5 markah]

- (c) Rajah di bawah adalah barangan yang dibeli secara sewa beli oleh Puan Huda.



Sri Tanjung Komputer

Jenama: Dell X2020

Harga: RM2400

Pendahuluan: 10% daripada harga

Faedah: 5% setahun




- (i) Hitungkan ansuran bulanan yang perlu dibayar oleh Puan Huda dalam tempoh setahun. [4 markah]
(ii) Nyatakan kekurangan kaedah sewa beli kepada Puan Huda. [3 markah]

- (d) Terangkan faktor pemilihan kaedah jualan yang sesuai bagi membantu Sri Tanjung Komputer meningkatkan jualan. [6 markah]

3. (a) (i) Apakah yang dimaksudkan perniagaan antarabangsa ? [3 markah]

- (ii) Maklumat berikut adalah perdagangan dua hala di antara Malaysia dengan New Zealand.




Terangkan sebab-sebab wujudnya perdagangan antarabangsa di atas ? [10 markah]

- (b) Terangkan **tiga** kepentingan perniagaan antarabangsa kepada pengeluar. [6 markah]

- (c) Terangkan kepentingan Industri Kecil dan Sederhana kepada pengguna. [6 markah]

4. (a) Rajah 2 menunjukkan cara pengendalian perniagaan dari segi pengurusan pelanggan.



Rajah 2

Nyatakan **empat** cara untuk melayan pelanggan. [4 markah]

- (b) Terangkan **tiga** kelebihan Syarikat Awam Berhad. [6 markah]

(c) Maklumat berikut adalah berkaitan pelaburan yang dibuat oleh Encik Hanafi.

Jerantut. Seorang usahawan muda iaitu Encik Hanafi telah membelanjakan sejumlah RM2.5 juta untuk membeli 10 hektar tanah untuk diusahakan dalam bidang pertanian dan penternakan. Ini merupakan pelaburan untuk masa depan beliau dalam bidang berkenaan.

Terangkan jenis pelaburan yang dibuat oleh Encik Hanafi. [7 markah]

(d) Maklumat berikut berkaitan dengan prinsip insurans.


<i>Situasi 1</i>	Encik Rahman menginsuranskan rumah kediaman tunangnya kerana beranggapan mereka akan menjadi suami isteri nanti.
<i>Situasi 2</i>	Encik Malik menginsuranskan kedainya daripada kebakaran dan menyatakan kedainya diperbuat daripada batu dan bukan daripada kayu.

- (i) Adakah situasi 1 dan situasi 2 menepati dengan prinsip insurans ? [2 markah]
- (ii) Terangkan prinsip insurans yang perlu dipatuhi dalam situasi 1 dan situasi 2 di atas. [6 markah]

5. (a) Nyatakan tugas-tugas yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). [4 markah]

(b) (i) Terangkan peranan pergudangan dalam perniagaan. [8 markah]

(ii) Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis gudang.



Terangkan kepentingan gudang di atas kepada Encik Yaacob. [5 markah]

(c) Petikan berikut berkaitan dengan dasar kerajaan.

..... adalah menjadi dasar kerajaan untuk mengawal pengiklanan seperti rokok dan minuman keras disiarkan di televisyen. Selain itu kerajaan juga menentukan kandungan iklan yang tidak mengandungi unsur seks atau bersifat perkauman .

Selain daripada dasar kerajaan, terangkan faktor-faktor lain dalam pemilihan media pengiklanan. [8 markah]

Bahagian B

[25 markah]

Soalan ini **wajib** dijawab..

Berbekalkan pengalaman selama 20 tahun dalam perniagaan runcit, Encik Azam telah bertekad untuk melaburkan wang hasil perniagaannya sebanyak RM1.5 juta dan membuat pinjaman daripada bank untuk membuka perniagaan secara besar-besaran. Lokasi yang dipilih untuk mendirikan perniagaan tersebut adalah di Taman Mewah, Maran. Ini adalah kerana ianya adalah kawasan perumahan yang mempunyai penduduk yang ramai dan rata-rata penghuninya mempunyai pendapatan yang tinggi. Tambahan lagi ianya terletak di kawasan bandar Maran.

Dalam usaha untuk melengkapkan dan menyiapkan bangunan perniagaan itu, Encik Azam telah mempertimbangkan dua cara untuk mendapatkan kemudahan 5 unit jentera dan 50 unit komputer tersebut iaitu melalui syarikat pajakan atau membeli secara tunai. Secara tidak langsung Encik Azam dapat menjimatkan kos operasi memandangkan beliau baru mula bertapak dalam perniagaan besar-besaran itu.

Selepas 3 tahun dibina, premis kepunyaan Encik Azam boleh mula beroperasi. Sebagai langkah awal untuk memperkenalkan perniagaannya beliau telah mengadakan pelbagai jenis promosi jualan sebagai daya tarikan untuk pelanggan berkunjung. Promosi tersebut diadakan dalam tempoh 3 bulan bermula pada bulan pelancarannya. Pelanggan yang membuat belian melebihi RM50 akan mendapat satu kupon dan layak menyertai cabutan bertuah berupa Kereta Persona dan lain-lain hadiah yang menarik menanti pengunjung yang datang.

Untuk meningkatkan kecekapan pengurusan pentadbiran dan kakitangannya, Encik Azam telah meminta kerjasama badan kerajaan seperti MARA dan NPC (Perbadanan Produktiviti Negara) dalam usaha memajukan dan mempertingkatkan lagi perniagaannya. Begitu juga sumber kewangan yang masih belum mencukupi untuk memperkembangkan lagi perniagaannya. Ini adalah sebagai langkah menjadikan perniagaannya dikenali ramai bukan setakat di bandar Maran sahaja. Encik Azam mensasarkan menjelang 2020 beliau akan menjadi seorang ahli perniagaan yang berjaya di Pahang.

Berdasarkan situasi tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) (i) Cadangkan jenis perniagaan besar-besaran yang sesuai dipilih oleh Encik Azam [1 markah]
- (ii) Nyatakan ciri-ciri jenis perniagaan besar-besaran yang dinyatakan (i) di atas. [5 markah]
- (b) Tentukan cara pembelian yang sesuai dipilih oleh Encik Azam. Berikan alasan anda. [5 markah]
- (c) Terangkan **tiga** promosi jualan kepada pengguna yang boleh dilakukan oleh Encik Azam. [6 markah]
- (d) Huraikan peranan agensi MARA dan Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) untuk membantu memajukan perniagaan Encik Azam. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT